

PM: Tak perlu tunggu 2011

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan ROSMAH MOHD. DAIN

PETALING JAYA 6 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Singapura boleh menghentikan pembelian air dari Malaysia serta-merta tanpa perlu menunggu sehingga luput tempoh perjanjian pada 2011 untuk berbuat demikian.

Bagi Perdana Menteri, keputusan republik itu untuk tidak memperbaharui Perjanjian Air 1961, tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada Malaysia kerana ia tidak merugikan negara.

“Malah mereka boleh hentikan sekarang, tak mengapa. Tidak perlu menunggu sehingga 2011.

“Kita yang’ kehilangan wang dengan menjual kepada mereka,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002 di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini hari ini.

- Perjanjian air tamat 2061
juga tidak disambung — Muka 2
- Sekitar konvensyen — Muka 9

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan bahawa Singapura tidak akan memperbaharui satu daripada dua perjanjiannya dengan Johor berhubung pembelian air.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia tidak mahu menjual air kepada Singapura memandangkan ia tidak membawa keuntungan biarpun harganya dinaikkan.

Tegas Dr. Mahathir, pendapatan negara tidak bergantung dari hasil jualan air kepada Singapura kerana jumlahnya amat kecil.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, Malaysia yang sebenarnya membantu Singapura dengan menjual air berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani.

“Bolehkah anda bayangkan harga yang dibayar pada 1927 sebanyak tiga sen bagi setiap 1,000 gelen air, masih digunakan tiga suku kurun iaitu 75 tahun kemudian.

“Bolehkah anda tunjukkan apa jua ba-

■ Lihat muka 4

PM: Tak perlu tunggu 201'1

rang berharga tiga sen pada 1927 yang masih dijual pada harga tiga sen sekarang,” katanya.

Semalam, Perdana Menteri Goh Chok Tong ketika menerima kunjungan hormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyampaikan keputusan kerajaan Singapura untuk tidak menyambung Perjanjian Air 1961 yang tamat pada 2011.

Di bawah perjanjian itu, Singapura kini mengimnort 350 juta gelen air mentah setiap hari dari Johor dan di sebaliknya Johor pula membeli semula 37 juta gelen air, yang dirawat setiap hari daripada republik itu pada kadar 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Dengan keputusap untuk tidak menyambung semula perjanjian berkenaan, ini bermakna selepas tahun 2011, Singapura hanya akan bergantung kepada satu perjanjian sahaja iaitu Perjanjian Air 1962.

Perjanjian Air 1962 bagi membekalkan 250 juta gelen air sehari dari Sungai Linggi, Johor ke republik itu akan tamat pada 2061.

Perdana Menteri berkata, Malaysia kini boleh menjual kepada rakyat sendiri pada harga lebih daripada tiga sen per 1,000 gelen air.

Buat masa ini pun, menurutnya, kerajaan menjual air kepada Melaka pada harga di antara 30 dan 40 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Mengulas kenyataan Chok Tong bahawa Malaysia dan Singapura tidak wajar selalu bertelaaah berhubung isu air, Dr. Mahathir berkata, Malaysia seboleh mungkin tidak mahu bertelagah dengan republik itu.

Bagaimanapun tegasnya, Singapura perlu bersikap adil berhubung harga air yang dibelinya dari Malaysia kerana kadar tiga sen bagi setiap 1,000 gelen yang tidak pernah berubah sejak 1927, tidak munasabah.

“Kita tidak mahu bertelagah tetapi orang perlu munasabah. Ya, mengikut perjanjian kedua-dua negara perlu bersetuju. Jadi pada peringkat ini (harga), kita tidak bersetuju,” katanya.

Mengenai keengganan Singapura menerima hujah Malaysia menggunakan perjanjian di antara China dan Hong Kong, menurutnya ia ditolak atas alasan ia melibatkan penjualan air yang sudah dirawat.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, sekiranya republik itu sedia membeli air yang dirawat, kerajaan juga sanggup menjualnya pada harga lapan dolar seperti dalam perjanjian di antara China dan Hong Kong.

Ditanya perlukah Malaysia terus membekalkan air kepada republik itu, beliau menjelaskan ia termaktub dalam perjanjian yang perlu dipatuhi.

“Kita akan terus berbuat demikian. Kita telah berjanji dan kita akan bekalkan tetapi bukan untuk Singapura menjualnya bagi mengaut untung, hanya untuk kegunaan rakyat republik itu,” katanya.